

# Perkhidmatan awam berprestasi tinggi dapat dicapai dengan penjawat awam berkepakaran, inovasi



Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali (tengah)



22/11/2021 02:44 PM

PUTRAJAYA, 22 Nov -- Perkhidmatan awam berprestasi tinggi dapat dicapai melalui penjawat awam yang berkaliber sebagai pemimpin, berkepakaran, berinovasi dan berani menghadapi cabaran bersandarkan nilai integriti, akauntabiliti dan ketelusan, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata transformasi perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan berprestasi tinggi adalah antara inisiatif yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Beliau berkata RMK12 juga bakal menyaksikan perkhidmatan kerajaan dalam talian dari mula hingga akhir (E2E) disasar meningkat kepada 80 peratus menjelang 2025.

Berucap pada majlis prapelancaran sambutan Hari Profesional Teknikal Negara 2021 di Kuala Lumpur hari ini, Mohd Zuki berkata sektor awam yang turut dipelopori oleh tenaga teknikal tidak terkecuali dalam memberi sumbangan ke arah merealisasikan hala tuju Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan RMK12.

"Cabaran ini memerlukan transformasi dari pelbagai aspek antaranya keperluan pemikiran digital-first dan peningkatan penggunaan teknologi digital dalam sektor awam serta keperluan dalam membangunkan tenaga kerja bagi mendepani landskap pekerjaan di masa hadapan, di samping penyediaan infrastruktur jalur lebar dan teknologi digital yang berkualiti," katanya.

Mohd Zuki berkata terdapat beberapa bidang baharu atau apa yang disebut sebagai 'frontier technologies' yang perlu diterokai dengan lebih mendalam bagi kakitangan profesion teknikal antaranya kecerdasan buatan (AI), Internet benda (IoT), data raya, blockchain, 5G, cetakan 3D, robotik, dron dan teknologi nano.

"Frontier technologies ini, meskipun telah ada usaha-usaha untuk membangunkannya, masih memerlukan penelitian yang khusus dan mendalam oleh para pegawai dan kakitangan profesion teknikal untuk terus mencipta inovasi baharu demi manfaat rakyat dan kecemerlangan negara," katanya.

Mohd Zuki berkata warga profesion teknikal di sektor awam berperanan untuk bersama-sama kerajaan membantu merancakkan kembali ekonomi negara melalui pembangunan modal insan yang inovatif dan berkemahiran tinggi.

Ini, katanya penting bagi mempercepatkan penghasilan inovasi dan adaptasi teknologi digital yang dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sekali gus membantu pemulihan ekonomi negara.

-- BERNAMA